

Pelbagai pihak sokong kerajaan jika pelobi Yahudi pulau Malaysia

UM 28 OCT 2003

KUALA LUMPUR 27 Okt. — Pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan akan berdiri teguh di belakang kerajaan sekiranya pelobi-pelobi Yahudi di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah menggerakkan usaha untuk memulaukan Malaysia.

Mereka juga berpendapat bahawa tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegur kaum Yahudi pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), baru-baru ini, adalah wajar kerana kaum itu telah lama menganiayai umat Islam.

Presiden Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), **Prof. Datuk Dr. Sharifah Habsah Datuk Syed Hassan Shahbuddin** menyifatkan tindakan pihak tertentu yang mahu memulaukan Malaysia adalah mengikut emosi, hanya kerana negara lain tidak bersetuju dengan pendirian mereka.

“Apa yang Dr. Mahathir luahkan adalah kenyataan dan jika Yahudi mahu melenting dan melancarkan sabotaj terhadap ekonomi negara kita, itu jelas menunjukkan memang benar mereka memerintah dunia secara proksi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas

nasihat Perdana Menteri, semalam, yang meminta rakyat agar jangan bimbang dengan ugutan pertubuhan-pertubuhan Yahudi yang mahu Malaysia dipulaukan.

Sementara itu, Penasihat Gabungan Persatuan Penjaja dan Perniagaan Kecil Melayu Malaysia, **Datuk Mubidan Md. Natar** turut melahirkan sokongannya terhadap pendirian kerajaan.

“Malaysia mempunyai pendirian yang teguh dan harus dihormati oleh negara lain. Pendirian itu sewajarnya disokong kerana gertakan dan ancaman akan lebih menguatkan negara dan mengukuhkan perpaduan rakyat.

“Jika pemulauan terhadap Malaysia menjadi kenyataan, kita mesti segera bertindak meluaskan lagi pasaran produk negara khususnya pelancongan,” katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda MCA, **Datuk Ong Tee Keat** pula menegaskan, gertakan yang dilakukan itu dianggap keterlaluan dan ini menunjukkan kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) telah biasa melakukan ancaman terhadap negara-negara sedang membangun.

Ong berpendapat Malaysia wajar mencari pasaran baru dalam industri pelancongan dalam usaha menangani ancaman pelobi-pelobi kaum Yahudi di AS.

Pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, **Prof Datuk Ramlah Adam** menyifatkan tindakan Yahudi untuk memboikot barangan Malaysia adalah perkara kecil dan tidak perlu dirisaukan.

Setiausaha Agung DAP, **Kerk Kim Hock** turut kesal dengan tindakan pelobi Yahudi yang mahu Malaysia dipulaukan kerana tidak bersetuju dengan pendirian yang dilaungkan oleh Dr. Mahathir mengenai bangsa mereka.

Katanya, DAP mengutuk sekeras-kerasnya usaha tersebut dan berharap Malaysia tidak akan tunduk dengan ancaman yang dibuat.

“Saya percaya dan yakin, gertakan tersebut tidak akan berjaya kerana kita mempunyai ramai kenalan di negara lain yang menghormati pendirian Malaysia.

“Jika pihak Yahudi berjaya melakukan sabotaj mereka bukan sahaja menjadikan Malaysia sebagai sasaran tetapi meningkatkan lagi jurang di antara umat Islam dengan bukan Islam serta di kalangan negara Timur dan Barat,” katanya.